

15/01/2004

Najib dijangka dilantik Timbalan Pengerusi BN

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Razak yang dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri pada 7 Januari lalu, dijangka dilantik sebagai Timbalan Pengerusi Barisan Nasional (BN) yang baru hari ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi merangkap Pengerusi BN akan mengemukakan cadangan nama Menteri Pertahanan itu pada mesyuarat Dewan Tertinggi BN di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), pagi ini.

Setiausaha Agung BN, Tan Sri Mohamed Rahmat, berkata semua wakil 13 anggota BN dijangka meluluskan cadangan itu sebulat suara.

Jawatan itu sebelum ini disandang Abdullah. Najib juga akan dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan BN. Menjadi kebiasaan Timbalan Perdana Menteri juga Timbalan Pengerusi BN.

Jumaat lalu, mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno sebulat suara melantik Najib untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab Timbalan Presiden Umno berkuat kuasa serta-merta selain jawatan Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Umno.

Mohamed berkata, tiada agenda khusus untuk mesyuarat BN hari ini dan terpulang kepada Abdullah untuk menentukan apakah perkara penting yang akan dibincangkan.

"Meskipun tiada dalam agenda, saya tidak menolak kemungkinan persiapan pilihan raya umum akan datang, turut disentuh," katanya kepada Berita Harian.

Ini adalah kali kedua, Abdullah mempengerusikan mesyuarat Dewan Tertinggi BN sejak dilantik sebagai Perdana Menteri 31 Oktober lalu. Kali pertama pada 7 November lalu.

Turut hadir buat kali pertama mewakili Umno pada mesyuarat Dewan Tertinggi BN kali ini ialah Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Mesyuarat MT Umno Jumaat lalu menamakan Muhyiddin untuk mewakili parti itu bagi mengisi kuota Umno berikutan persaraan Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri dan Presiden Umno pada Oktober lalu.

Setiap parti komponen BN diperuntukkan tiga wakil ke Dewan Tertinggi BN. Pada masa ini, Abdullah, Najib dan seorang lagi Naib Presiden, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, adalah wakil Umno sedia ada dalam dewan itu.

Oleh kerana Abdullah kini Pengerusi BN, Muhyiddin akan mengisi satu lagi kuota yang dikosongkan itu.

Mohamed berkata, hanya Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) tidak dijemput ke mesyuarat hari ini kerana masih menghadapi masalah dalaman.

Selain Umno, 13 parti komponen lain ialah MCA, MIC, Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB), Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP), Gerakan, Parti Progresif Penduduk (PPP), Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS), Parti Liberal Demokratik Sabah (LDP), Parti Maju Sabah (SAPP), Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRs), United Pasok Momogun Kadazandusun Organisation (UPKO), Parti Bersatu Sabah (PBS) dan Parti Progresif Demokratik Sarawak (SPDP).